



# **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

**KERATAN AKHBAR  
25 JUN 2019 (SELASA )**



**DISEDIAKAN OLEH :  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**



## KERATAN AKHBAR 25 JUN 2019 (SELASA)



AKHBAR	Berita harian
TAJUK BERITA	Bekalan elektrik kilang plastik haram dipotong
MUKA SURAT	62

# Bekalan elektrik kilang plastik haram dipotong

**●** Pemilik terus operasi tanpa kebenaran walau premis pernah diserbu, disita

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@bh.com.my

► Pelabuhan Klang

**B**ekalan elektrik sebuah kilang memproses bahan buangan plastik dipotong semalam, selepas kira-kira empat tahun pengusahanya dipercayai beroperasi tanpa kebenaran Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Tindakan kali pertama dilakukan terhadap kilang di Klang itu,

mendapat kerjasama Suruhanjaya Tenaga dan syarikat utiliti Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Ia susulan tindakan MPK minggu lalu memohon kelulusan suruhanjaya itu untuk memotong bekalan elektrik bagi mengelak operasi semakin diteruskan, walaupun sudah menerima notis sita oleh pihak berkusa tempatan berkenaan.

Timbalan Pengarah Jabatan Perlesenan MPK, Fharulisa Md Isa, berkata pihaknya sudah lima kali melakukan operasi dan mengambil tindakan, termasuk menyatakan premis berkenaan yang terletak di Kawasan Perindustrian Air Hitam, Pelabuhan Klang, selain menahan pengusahanya.

Beliau berkata, operasi terakhir dilakukan di premis berkenaan pada Rabu minggu lalu, namun pengusahanya masih ingkar dan berdeglil, selain meneruskan ope-

rasinya sehingga diserbu pagi semalam.

**Pekerja warga asing lagi**

"Ketika serbuan, kilang masih beroperasi, namun pekerjaannya yang dipercayai warga asing tanpa izin melarikan diri selepas menyedari kehadiran pihak berkusa.

"Sebenarnya ada enam kilang memproses bahan buangan plastik beroperasi di kawasan itu, tetapi kilang lain sudah menghentikan operasi selepas diserbu, kecuali premis terabit.

"Hari ini (semalam) kita mendapat kerjasama daripada TNB memotong bekalan elektrik di kilang yang beroperasi tanpa lesen perniagaan sah ini," katanya selepas mengetuai operasi bersama TNB ke kilang berkenaan, semalam.

Beliau berkata, selepas bekalan elektrik dipotong kilang itu tidak lagi beroperasi dan pihaknya su-

**Kakitangan TNB memotong bekalan elektrik di kilang memproses bahan buangan plastik di Kawasan Perindustrian Air Hitam, Pelabuhan Klang, semalam.**

**Potong bekalan air**

Selain itu, katanya, pihaknya akan meminta bantuan Syarikat Bekalan Air Selangor (STABAS) untuk memotong bekalan air di premis terabit.

Sementara itu, tinjauan BH di premis berkenaan mendapati bungkusan plastik besar berisi bahan buangan plastik yang belum

dan sudah diproses, ditempatkan di dalam serta sekitar kawasan kilang itu.

Selain itu, terdapat juga beberapa mesin dipercayai digunakan untuk mengisar bahan buangan plastik dari negara luar, termasuk Jepun.

Pada masa sama, kilang berkenaan juga berbau busuk, dipercayai dari lima kolam berisi air berwarna coklat kehitaman di bahagian belakang premis.



[FOTO FAIZ ANUAR/BH]



## KERATAN AKHBAR 25 JUN 2019 (SELASA)



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	'Be a friend and adopt a fire hydrant'
MUKA SURAT	2

By JEGATHISWARY SUNDARAM  
metro@thestar.com.my

RESIDENTS in Bandar Puteri Puchong have been encouraged to work with the Fire and Rescue Department to ensure that the fire hydrants in the area are in working order and well maintained.

Subang Jaya Municipal Council (MPSJ) councillor George Yap said the residents could help the department by ensuring that the hydrants were not vandalised or damaged.

"If there's anyone willing to adopt the fire hydrants, that would be great," Yap said during a maintenance check & with personnel from the department and MPSJ Zone 6 Residents' Committee (JKP) members.

"We need to ensure that the hydrants are working correctly at all times. Serious problems can occur if they are faulty or damaged. It is our responsibility to look out for cases of vandalism or any damage and follow the necessary action to be taken."

"Cases of people stealing water from fire hydrants to water their plants or wash their vehicles have been reported. We urge the residents to report to the Fire and Rescue Department or the committee if they see anything like this happening."

"Besides Bomba, MPSJ also has the right to fine those who break the rules," added Yap.

Puchong Fire and Rescue Department operations head Omar Atan echoed Yap's call for the hydrants to be adopted.

"We encourage residents and shop owners to join the Friends of Fire Hydrants programme to adopt the hydrants and help us combat vandalism and damage," said Omar.

"Some hydrants have parts missing, have been destroyed, or damaged by vehicles that knock into them."

In instances when roads are resurfaced, a hydrant's water chamber could also be blocked, making it difficult for firefighters to unlock the fixture.

"Such situations can cause serious delays when we need to extinguish fires."

"If a hydrant doesn't work, we would need to look for other water sources or find another hydrant which is usually 300m away," added Omar.

He reminded the public not to block any hydrant with their vehicles.

## 'Be a friend and adopt a fire hydrant'

Residents in Puchong township urged to take care of fixtures against damage and vandalism



Yap testing the water flow of a fire hydrant in Jalan Puteri 2/1, Bandar Puteri 2, Puchong.

"Blocking a hydrant by parking a vehicle in front of it can disrupt Bomba's rescue efforts during an emergency."

"Keep out of the yellow box to avoid being fined by enforcement officers under Section 26, Act 341 of the Fire Rescue Act 1988, where an individual can be fined up to RM100."

Omar said his unit followed a maintenance schedule to check the neighbourhood's hydrants.

"We conduct a check every three hours every Sunday to check the hydrants in Puchong but that is not enough as there are 515 fire hydrants just in Bandar Puteri."

For more information on the department's Friends of Fire Hydrants programme can contact committee member Paramjeet Singh at 012-9309 353 or Nani at 012-5908542.



A fireman checking one of the hydrants. Looking on are Yap and Omar (right, partly hidden).




## KERATAN AKHBAR 25 JUN 2019 (SELASA)



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	<b>Slip road in Klang now accessible to motorists</b>
MUKA SURAT	2

### Slip road in Klang now accessible to motorists



Vehicles passing through the reopened Lorong Perbandaran in Klang.

LORONG Perbandaran in Klang has been reopened to traffic but remains controlled with flow allowed only during certain hours of the day.

Traffic resumed on the slip road last week after a 14-month closure.

Klang Municipal Council (MPK) Corporate Communications director Norfiza Mahfiz said the road's reopening was subject to the schedule provided by the council's Engineering Department.

She said the stretch near MPK was currently usable between 6.30am and 8.30am, and 4pm to 6pm (except public holidays).

The road is one of the town's busiest and provides motorists access to Klang town, Meru and Kapar via Jambatan Kota, and continues towards the District and Land Office, Syarikat Bekalan Air Selangor and the Little India commercial area.

MPK closed the road on April 3, 2018, citing security reasons.

The closure often caused a massive traffic jam outside the Kuan Yin Chinese temple in Jalan Raya Barat during peak hours.



# KERATAN AKHBAR 25 JUN 2019 (SELASA)



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Potong terus karan
MUKA SURAT	16

**16** | setempat | 25-06-2019

**Pelabuhan Klang**

Rafidah Mat Ruzki am@hmetro.com.my

**Sebenarnya ada enam kilang memproses bahan buangan plastik beroperasi di kawasan ini, tetapi kilang lain sudah menghentikan operasi selepas diserbu kecuali kilang ini**

**Rafidah**

**HARIAN METRO**

**PEKERJA TNB melakukan pemotongan bekalan elektrik ke atas kilang haram, semalam.**

**FHARULISA** (dua dari kiri) menunjukkan sisa plastik yang ditemui di dalam premis.

**S**elepas empat tahun beroperasi secara haram, sebuah kilang memproses bahan buangan plastik di sini akhirnya tidak mampu meneruskan operasi selepas bekalan elektrik ke premis berkenaan dihenti oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB), semalam.

Tindakan terhadap kilang ini dipercayai kali pertama dilakukan terhadap premis ini kerana ia merupakan kilang plastik yang beroperasi tanpa mendapat kelulusan Majlis Perbandaran Klang (MPK) mendaparkan kerjasama Saman dan Tenaga (ST) dan TNB.

Difahamkan, ia susulan tindakan TNB yang lalu yang memotong bekalan ST mengenai bekalan elektrik bagi mengejalkan kilang ini meneruskan operasinya walaupun ia berada di luar notis siasah pihak berkenaan.

Timbalan Pengarah Jabatan Persemenan MPK, Engr Rajaiza Md Idris berkata, malah ia sudah biasa kali melakukan operasi dan mengambil tindakan tegas sekali lagi.

“Pada hari ini, iaitu hari Perindustrian Air Hitam Pelabuhan Klang, selain memberi nasihat kepada pengusaha supaya

**B**eliau berhenti operasi maka akhirnya dilakukan pada Rabu minggu lalu namun pengusahanya tetap ingkar dan berdegil apalah meneruskan operasinya. Untuk itu, ia dilakukan diserbu, pagi semalam.

“Keikra serbuan, kilang itu masih beroperasi namun pelajarannya yang dipercayai warga asing tanpa izin melarikan diri selepas menyedari kehadiran pihak berwajah.

“Sebenarnya ada enam kilang memproses bahan buangan plastik beroperasi di kawasan ini, tetapi kilang ini yang menghentikan operasi selepas diserbu kecuali kilang ini.”

“Hari ini kita mendapat kerjasama yang baik dengan TNB untuk mengurangkan bekalan elektrik di kilang yang beroperasi tanpa lesen perniagaan yang sah ini,” katanya.

Beliau berkata, sebelum ini mengertai operasi bersama TNB ke kilang berkenaan bersama wakil media.

Beliau berkata, pihaknya akan mengambil tindakan untuk mendakwa pengusahanya di mahkamah.

Selain itu, katanya, pihaknya akan membuat surat danjaku Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) untuk memotong bekalan air di premis berkenaan.

Sementara itu, dalam tinjauan di dalam premis berkenaan mendapati bungkus beg plastik besar berisi bahan buangan plastik berdiri dan sudah diperlakukan kompak pada dalam dan sekitar kawasan kilang itu.

Sebahagian plastik itu, ada beberapa mesin yang dipercayai digunakan untuk mengisip bahan buangan plastik dari negara luar termasuk Jepun untuk mengekspor kecil.

Pada masa sama, kilang juga berbaring berasik, dipercaya dari lima kolam berisi air berwarna gelap dan kontaminasi di sekitar bekalan premis.

Turut dibina di bahagian belakang kilang ialah rumah konteng dipercayai didiami pekerjaan, dilengkapi katil buat tidur dan peralatan perakitan elektrik termasuk peti sejuk dan perut nasi elektrik.





## KERATAN AKHBAR 25 JUN 2019 (SELASA)



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Potong terus karan
MUKA SURAT	17

>> MPK sudah **lima** kali menyerbu kilang sisa plastik serta melakukan sitaan

**HARIAN METRO**

SISA plastik terbilang dalam premis yang disita dalam operasi di Kawasan Perindustrian Air Hitam, Petaling Jaya.

# POTONG TERUS KARAN

■ Kilang sisa plastik beroperasi secara haram selama 4 tahun diserbu selepas pemilik ingkar tindakan sita



## KERATAN AKHBAR 25 JUN 2019 (SELASA)



AKHBAR	KOSMO
TAJUK BERITA	Kilang plastik haram lumpuh
MUKA SURAT	16

Pernah disita lima kali, bekalan elektrik premis degil dipotong TNB

# Kilang plastik haram lumpuh

**K**LANG — Sebuah kilang memproses plastik haram di sini yang masih beroperasi walaupun pernah disita lima kali oleh Majlis Perbandaran Klang (MPK) akhirnya ‘lumpuh’ apabila bekalan elektrik ke premis itu dipotong serta-merta semalam.

Kelulusan pemotongan bekalan elektrik itu adalah yang pertama kali diterima MPK daripada Suruhanjaya Tenaga dan ia dilakukan dengan kerjasama sepasukan kakitangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) Pelabuhan Klang pada operasi bersepadu di kilang terbabit di Kawasan Perindustrian Air Itam.

Tinjauan Bernama di dua bangunan kilang berkenaan mendapati kali terakhir ia disita pada Rabu lalu, namun masih giat memproses secara haram pelbagai jenis beg plastik terpakai dipercaiay diimport dari Jepun, China dan negara-negara Eropah.

Bagaimanapun dalam operasi bersepadu kira-kira pukul 9.30



SISA plastik sampah yang telah diproses dan disimpan di sebuah kilang memproses sisa plastik haram di Kawasan Perindustrian Air Itam, Klang semalam.

pagi itu, pekerja kilang terhabut didapati telah melarikan diri.

Timbalan Pengarah Pelesiran MPK, Mohd. Fahrulisa Mohd. Isa berkata, kilang berkenaan yang menggunakan nama ‘Opes Plastic Industry’ dipercaiyai telah beroperasi sejak empat tahun lalu.

Menurutnya, ia satu daripada enam kilang plastik haram di kawasan sama yang masih berdegil dan terus beroperasi

diberi notis sebelum ini. “Kilang ini tidak pernah diberi lesen oleh MPK, malah notis turun sebab juga sudah dikeluarkan kepada pemilik premis ini.”

“Kami juga menerima banyak aduan mengenainya daripada penduduk dan pengusaha kilang lain di sekitar kawasan ini kerana masih beroperasi.

“Namun, pemilik premis tidak membuat sebarang tindakan susulan, malah tidak memberi



SEORANG pekerja TNB (kiri) sedang memeriksa meter elektrik di sebuah kilang memproses sisa plastik haram pada operasi bersepadu semalam.

kerjasama (untuk hentikan operasi). Disebabkan itu, MPK terpaksa mengambil tindakan drastik dengan memotong bekalan elektrik bagi melumpuhkan terus operasi kilang berkenaan, katanya kepada pemberita selepas operasi bersepadu itu di sini semalam.

Mohd. Fahrulisa member-

itahu, pemilik premis yang dipercaiyai warga tempatan itu juga telah diberi notis dan bakal berdepan tindakan mahkamah dalam masa terdekat.

“MPK juga dalam usaha untuk menyita dan menutup terus 31 lagi kilang plastik haram yang dikesan masih beroperasi di daerah ini,” ujarnya. - Bernama



## KERATAN AKHBAR 25 JUN 2019 (SELASA)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Empat beranak tidur beralas rumput
MUKA SURAT	20

### Empat beranak tidur beralas rumput

FOTO: IHSAN FB LEMBAGA ZAKAT SELANGOR



Kaki lima bangunan dan tepi jalan menjadi tempat tinggal empat beranak ini dieprcayai sejak lebih sebulan lalu.

**SHAH ALAM** - Empat beranak yang menjadikan kaki lima bangunan serta bahu jalan sekitar daerah ini sebagai tempat tinggal dipercayai sejak lebih sebulan lalu sudah diserahkan kepada pihal berkuasa berkaitan untuk tindakan.

Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam akaun Facebook rasminya memaklumkan pihaknya menerima aduan daripada orang awam berhubung satu keluarga yang dilihat bergelandangan di sekitar kawasan Shah Alam.

Bertindak atas aduan, Skuad Zakat Selangor segera ke lokasi dan menemui seorang wanita warga Indonesia serta tiga kanak-kanak warga tempatan tidur beralaskan rumput di tepi jalan.

"Semakam mendapati empat beranak ini hidup gelandangan selepas suami wanita yang merupakan seorang lelaki warga tempatan meninggalkannya bersama anak-anak tanpa tempat tinggal dan duit belanja sejak enam bulan lalu.

"Kesemua mereka per-

nah pulang ke Indonesia tahun lalu namun kembali semula ke negara ini tanpa hala tuju," katanya.

Menurutnya, semakan pasport milik wanita itu mendapati dia hanya menggunakan visa pelawat yang telah tamat tempoh.

"Kami terpaksa serahkan wanita ini dan anak-anaknya kepada pihak po-

lis dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk tindakan lanjut.

"LZS tidak mempunyai kuasa untuk menguruskan kes ini kerana melibatkan undang-undang dan pernguatkuasaan," katanya.

Sila layari  
**sinarharian**  
.com.my



## KERATAN AKHBAR 25 JUN 2019 (SELASA)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Banteras kilang sisa plastik
MUKA SURAT	33

# Banteras kilang sisa plastik

**MPK, TNB lakukan operasi pemotongan bekalan elektrik**

AZIE YAHAYA

PELAHUAN KLANG

**M**asalah sisa plastik haram di Selangor bagaikan tiada kesudahan meskipun amaran tegas sudah dikeluarkan kerajaan negeri dan pihak berwajib apabila masih banyak kilang yang menjalankan aktiviti tersebut.

Terbaru, dalam serbuan di Kawasan Perindustrian Air Hitam di sini, se-

buah kilang didapati masih melakukan aktiviti haram tersebut sejak tiga tahun lalu tanpa gentar walaupun sebelum ini sudah dikenakan tindakan penguatkuasaan oleh Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Timbalan Pengarah jabatan Pelesenan MPK, Mohd Fharulisa Md Isa berkata, pihaknya terpaksa mengambil tindakan pemotongan bekalan elektrik terhadap premis terbabit kerana pemiliknya masih berdegil dan ingkar dengan arahan MPK.

"Jadi kita terpaksa mengambil tindakan sewajarnya kerana mereka masih menjalankan operasi walau pun sudah banyak kali diberi amaran dan notis dan terbaharu Rabu lalu.



Sisa plastik yang diproses semasa Operasi Sitaan dan Pemotongan Elektrik Kilang Haram di Kawasan Perindustrian Air Hitam semalam.



Mohd Fharulisa (dua dari kiri) bersama kakitangan MPK memunjukkan plastik yang belum diproses oleh kilang terbabit.

"Namun pemilik kilang masih berdegil dan ingkar dengan arahan pematuhan. Oleh itu hari ini (semalam) kita menjalankan operasi pemotongan bekalan elektrik bersama syarikat utiliti, Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi menghalang pemilik kilang terus melukukkan aktiviti haram.

"Tindakan ini mengikut peruntukan undang-undang sedia ada dilihat efektif bagi mengelakkan mereka terus menjalankan aktiviti itu yang mencemarakan alam sekitar dan meningkatkan risiko kesihatan kepada penduduk yang tinggal berhampiran," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas

Kilang itu antara 41 kilang plastik haram yang masih beroperasi yang mana 10 daripadanya sudah ditutup.

"Operasi seperti ini akan dijalankan secara berterusan bagi membendung kewujudan kilang plastik haram di daerah ini," katanya.

Turut hadir, Pegawai Kawalan Kredit TNB Pelabuhan Klang, Nurul Huda Mohd Taufek.

Menurut beliau, operasi pemotongan bekalan elektrik itu kali pertama dijalankan selepas mendapat kelulusan Suruhanjaya Tenaga (ST).



Kilang masih beroperasi ketika serbuan dijalankan.



Kakitangan TNB memotong bekalan elektrik bagi mengelak kilang plastik beroperasi.

asa MPK di kilang terbabit.

"Kawasan belakang premises ini dijadikan tempat tidur pekerja kerana kilang ini dipercayai beroperasi hingga waktu malam.

"Hasil pemeriksaan mendapati pelbagai sisa plastik dari Jepun, China dan Eropah ditemui dalam kilang terbabit sebelum diproses," katanya.



## KERATAN AKHBAR 25 JUN 2019 (SELASA)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	500 hadiri rumah terbuka MPKK perigi Nenas
MUKA SURAT	33

**500 hadiri rumah terbuka MPKK perigi Nenas**

PULAU INDAH – Walaupun Aidilfitri hampir melabuhkan tirinya, namun kemeriahannya masih lagi terasa lebih-lebih lagi tradisi rumah terbuka rancak dianjurkan.

Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Perigi Nenas, Leffenan (B) Mohd Fauzi Othman berkata, Majlis Rumah Terbuka Jalinan Aidilfitri Anjuran MPKK Perigi Nenas memberi ruang penduduk setempat bersama-sama meraih Aidilfitri bersama pemimpin setempat.

"Selain dapat beramah mesra, program ini juga dapat mengeratkan ukhuwah serta silaturahim antara satu sama lain.

"Paling penting kita sama-sama bermafaat antara satu sama lain," katanya pada Majlis Rumah Terbuka Jalinan Aidilfitri Anjuran MPKK Perigi Nenas baru-baru ini.

fitri yang diadakan di pekarangan Kompleks MPKK Perigi Nenas baru-baru ini.

Turut hadir, ADUN Pela-buhan Klang, Azmizam Zaman Huri dan Ahli Majlis MPK, Norazah Said.

Katanya, rumah terbuka itu berkoncepan tradisional apabila gerai juadah hari raya beratap rumbia.

"Lebih 500 tetamu terdiri pelbagai umur hadir memeriahkan majlis. Mereka juga turut dihiburkan dengan persembahan kehadiran pemuzik Busker Sugar White.

"Kita turut menghidangkan 'raja buah' kepada pengunjung selain pelbagai jenis juadah seperti lemang, rendang ayam, ketupat, roti jala, kuih muih, buah-buahan, cendol dan ais-krim," katanya.

Mohd Fauzi (enam dari kiri) dan jawatankuasa MPKK Perigi Nenas bergambar dengan Azmizam (tujuh dari kiri) pada Majlis Rumah Terbuka Jalinan Aidilfitri Anjuran MPKK Perigi Nenas baru-baru ini.